

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 18 FEBRUARI 2022
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 34

FELDA mahu swastakan FGV

Kini kuasai 82 peratus pegangan saham


Felda mahu swastakan FGV

Oleh NURFARAHIN HUSSIN
utusanekonomi@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) telah menguasai sebanyak 82 peratus pegangan saham dalam FGV Holdings Bhd. setakat ini, sekali gus membolehkan pihaknya menyelesaikan banyak permasalahan dengan lebih cekap. Pengarah Besar Felda, Datuk Amiruddin Abdul Satar berkata, pihaknya sedang berusaha untuk menswastakan FGV namun usaha itu memerlukan masa.

Ujarnya, penguasaan saham lebih besar itu membolehkan agensi tersebut menguruskan ladang perjanjian pajakan tanah (LLA) FGV, kilang sawit, serta isu-isu melibatkan peneroka dengan lebih mudah.

"Sebelum ini FGV mengelola semua kilang sawit di kawasan Felda. Semasa pemilikan saham hanya 34 peratus, kita tidak dapat kawal walaupun ada masalah ketika itu. Namun, sekarang kita sudah kawal 82 peratus dan dapat selesaikan banyak masalah. Pihak FGV dan kilang-kilang pun sudah faham dan kita selalu ada-



IDRIS Jusoh memberikan taklimat kepada media mengenai kejayaan dan hala tuju Felda di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/FAIZ ALIF AHMAD ZUBIR

kan perbincangan.

"Kita akan buat pengumuman apabila tiba masanya. FGV ini besar kerana satu peratus

saham FGV bersamaan 32 juta unit saham. Jadi, perancangan memang mengambil masa yang lama kerana prosedur berkaitan

syarikat tersenarai perlu diumumkan di Bursa Malaysia dan sebagainya," katanya. Beliau berkata demikian

dalam sidang akhbar selepas Taklimat Media Mengenai Kejayaan Felda dan Hala Tuju Felda Baharu oleh Pengerusi Felda, Datuk Seri Idris Jusoh, di sini semalam.

Pada Mac tahun lalu, Felda menguasai 81 peratus pegangan saham dalam FGV termasuk Koperasi Permodalan Felda Malaysia Bhd (KPF).

Ketika ditanya mengenai masalah kekurangan pekerja asing di ladang, Idris menjelaskan, kelebihan Felda adalah masih mempunyai peneroka tempatan dan tidak bergantung 100 peratus kepada tenaga kerja asing.

"Kita telah mengkonsolidasikan pengurusan ladang dengan mewujudkan Sistem Pengurusan Ladang Pintar (Smart Plantation Management Solution-SPMS) bagi menguruskan ladang berskala besar dengan pembangunan bermula Januari 2021."

"Ini bertujuan untuk meningkatkan sinergi pengurusan dan hasil kebun peneroka Felda dan mencapai kos operasi yang minimum dengan satu sistem, satu operasi dan satu pasukan," ujarnya.